

**PERATURAN-PERATURAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
(PILIHAN RAYA KAMPUS)
TAHUN 2024**

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

(PILIHAN RAYA KAMPUS)

TAHUN 2024

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Nama dan Permulaan Kuat Kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENETAPAN PILIHAN RAYA KAMPUS

3. Penetapan Pilihan Raya Kampus
4. Kawasan Pilihan Raya Kampus
5. Platform Pengundian

BAHAGIAN III

JAWATAN KUASA

6. Penubuhan Jawatankuasa
7. Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT
8. Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT
9. Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus UMT
10. Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT
11. Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus UMT

BAHAGIAN IV

PEMBERITAHUAN PILIHAN RAYA KAMPUS

12. Pengumuman Tarikh Pilihan Raya Kampus
13. Penyiaran Notis Pilihan Raya Kampus

BAHAGIAN V

PENAMAAN CALON

14. Jumlah Ahli MPP UMT
15. Kelayakan Calon
16. Status Pencalonan
17. Pendaftaran Parti Mahasiswa
18. Penamaan Calon
19. Pencadang Dan Penyokong Pencadangan Calon
20. Pengesahan Penamaan Calon
21. Pengumuman Calon Yang Layak Bertanding
22. Bantahan Terhadap Pencalonan

23. Rayuan Terhadap Keputusan Bantahan Pencalonan
24. Penarikan Balik Pencalonan
25. Pengumuman Akhir Calon Yang Layak Bertanding
26. Calon Menang Tanpa Bertanding

BAHAGIAN VI

KEMPEN PILIHAN RAYA KAMPUS

27. Kempen
28. Poster, Kain Rentang, Dsb.

BAHAGIAN VII

PENGUNDIAN

29. Hari Pengundian
30. Ketua Pusat Mengundi Dan Pegawai Pusat Mengundi
31. Kebenaran Masuk Ke Pusat Pengundian, Dsb.
32. Larangan Pada Hari Pengundian, Dsb.
33. Pengundian Dan Penjumlahan Undi Secara Kertas Undi
34. Pengundian Dan Penjumlahan Undi Secara E-undi
35. Pengundian Dan Penjumlahan Undi Secara Sistem Dalam Talian
36. Komputer Pelayan Dan Komputer Undi

BAHAGIAN VIII

PENJUMLAHAN UNDI

37. Penjumlahan Undi Secara Automatik

38. Ketua Pusat Penjumlahan Undi
39. Pengumuman Keputusan Penjumlahan Undi
40. Bantahan Dan Rayuan Keputusan Pilihan Raya Kampus

BAHAGIAN IX

PENGISYTIHARAN AHLI MPP UMT DAN PEMILIHAN PEMEGANG JAWATAN

41. Pengisytiharan
42. Pemegang Jawatan MPP UMT

BAHAGIAN X AM

43. Keabsahan Perbuatan Di Dalam Ketidakhadiran Calon, Dsb.
44. Pindaan Atau Pembatalan Peraturan
45. Pengawasan Keselamatan
46. Tindakan Tatatertib
47. Pengundian Oleh Pelajar Kelainan Upaya
48. Etika Pakaian Sepanjang Pilihan Raya Kampus
49. Kesalahan Mengembangkan Perasaan Jahat Atau Permusuhan

BAHAGIAN XI

KEADAAN LUAR JANGKA

50. *Force Majeure*

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA
TERENGGANU (PILIHAN RAYA KAMPUS)
TAHUN 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 57(2) Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu [P.U.(A) 466], Lembaga membuat Peraturan-Peraturan berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan Permulaan Kuat Kuasa

1. (1) Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Terengganu (Pilihan Raya Kampus) 2024** yang berkuat kuasa bagi Pilihan Raya Kampus Universiti Malaysia Terengganu Tahun 2023.

- (2) Peraturan ini disifatkan mula berkuat kuasa pada tarikh yang diluluskan oleh Lembaga.

Tafsiran

2. Dalam peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Akta" ertinya Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30];

"E-undi" ertinya sistem pilihan raya kampus yang dijalankan secara elektronik di pusat pengundian;

"Fakulti" termasuklah suatu Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut di Universiti;

"Gerakan Mahasiswa" ertinya mana-mana kumpulan pelajar yang bergabung untuk tujuan yang sama yang berdaftar di bawah Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT bagi maksud Pilihan Raya Kampus;

"Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus UMT" ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah perenggan 6(e);

"Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus UMT" ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah perenggan 6(c);

"Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT" ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah perenggan 6(a);

"Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT" ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah perenggan 6(b);

"Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus UMT" ertinya gabungan Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus atau Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus yang diberikan tugas bagi melaksanakan Pilihan Raya Kampus UMT.

"Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT" ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah perenggan 6(d);

"Kalendar Akademik" ertinya satu tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Senat bagi kemasukan pelajar Ijazah Sarjana Muda;

"Kawasan Fakulti" ertinya kawasan Pilihan Raya Kampus yang dihadkan kepada Pelajar Berdaftar di Fakulti berkenaan;

"Kawasan Umum" ertinya kawasan Pilihan Raya Kampus yang terbuka kepada keseluruhan Pelajar Berdaftar Universiti sahaja;

"Kaedah Kertas Undi" ertinya sistem Pilihan Raya Kampus yang dijalankan secara manual;

"Ketua Pusat Mengundi" ertinya Pelajar Berdaftar yang dilantik di bawah peraturan 30;

"Ketua Pusat Penjumlahan Undi" ertinya Pelajar Berdaftar yang dilantik di bawah peraturan 38;

"Komputer Pelayan" ertinya perkakasan dan perisian yang digunakan semasa pengundian yang mengandungi data-data berkaitan pengundian;

"Komputer Undi" ertinya perkakasan dan perisian yang mempunyai aplikasi sistem E-undi yang digunakan oleh pengundi untuk mengundi semasa pengundian;

"KORUM" ertinya Kongres Rundingan Mahasiswa di Universiti Malaysia Terengganu, sebuah parlimen mahasiswa di Universiti Malaysia Terengganu;

"MPP UMT" ertinya Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu;

"Pegawai Pengurus" ertinya Pelajar Berdaftar yang dilantik di bawah peraturan 18;

"Pegawai" ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh Universiti di bawah Perlembagaan UMT

"Pelajar Berdaftar" ertinya seseorang pelajar yang mengikuti kursus pengajian di Universiti untuk suatu ijazah atau diploma termasuk diploma lepas ijazah tetapi tidak

termasuk seorang pelajar luar;

“Pelajar Luar” ertinya seseorang Pelajar Berdaftar di Kampus di luar Malaysia atau seseorang pelajar yang mengikuti suatu program jangka pendek, sambilan, pembelajaran jarak jauh, program pertukaran atau bersekutu, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;

“Pencadang Calon” ertinya Pelajar Berdaftar yang dilantik oleh calon di bawah peraturan 17;

“Pensyarah Universiti” ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu, dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, fellow, penolong profesor, reader, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah, guru bahasa dan matrikulasi dan tutor;

“Pengundi” ertinya Pelajar Berdaftar yang berstatus aktif setakat tarikh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT;

“Pengundian” ertinya proses pengundian yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT;

“Kaedah pengundian E-undi” ertinya proses pengundian secara bersemuka menggunakan komputer undi yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT;

“Penjumlahan undi” ertinya proses penjumlahan undi yang dilaksanakan oleh Ketua Pusat Penjumlahan Undi;

“Penyokong Pencadangan Calon” ertinya Pelajar Berdaftar yang dilantik oleh calon di bawah peraturan 17;

“Peperiksaan” termasuklah apa-apa cara atau kaedah penilaian untuk memutuskan

markah atau gred bagi sesuatu kursus tertentu atau sebahagian daripada kursus tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh Senat;

“Pilihan Raya Kampus” ertinya satu proses yang akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT untuk memilih MPP UMT;

“Pusat Pengundian” ertinya suatu kawasan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT untuk menjalankan proses pengundian; dan

“Kaedah Pengundian MyUndi” ertinya sistem undi Pilihan Raya Kampus yang dijalankan secara elektronik tanpa bersemuka seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.

BAHAGIAN II

PENETAPAN PILIHAN RAYA KAMPUS

Penetapan Pilihan Raya Kampus

3. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain berkaitan dengan Pilihan Raya Kampus, Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT dengan kelulusan Naib Canselor boleh –
 - (a) mengadakan, menangguhkan atau membatalkan Pilihan Raya Kampus atau mengadakan Pilihan Raya Kampus semula;
 - (b) menentukan kawasan Pilihan Raya Kampus; dan
 - (c) menetapkan bilangan wakil MPP UMT di kawasan Pilihan Raya Kampus.
- (2) Pemilihan MPP hendaklah diadakan dalam tempoh 45 hari daripada tarikh semester pertama sesi akademik bermula.

Kawasan Pilihan Raya Kampus

4. (1) Bagi tujuan Pilihan Raya Kampus, Naib Canselor boleh menetapkan kawasan Umum dan kawasan Fakulti sebagai kawasan Pilihan Raya Kampus.
- (2) Setiap pemilihan di kawasan Fakulti dan di kawasan Umum adalah di bawah pengendalian Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (3) Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT boleh menentukan pengendalian Pilihan Raya Kampus di kawasan Fakulti atau kawasan Umum.

Platform Pengundian

5. (1) Bagi tujuan Pilihan Raya Kampus, Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT boleh menetapkan mana-mana kaedah pengundian sepertimana berikut –
 - (a) Kertas undi;
 - (b) E-undi; atau
 - (c) MyUndi.
- (2) Pilihan Raya Kampus adalah di bawah pengendalian Ketua Pusat Mengundi yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.

BAHAGIAN III

JAWATANKUASA

Penubuhan Jawatankuasa

6. Bagi tujuan Pilihan Raya Kampus, jawatankuasa berikut ditubuhkan –
 - (a) Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT;

- (b) Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT;
- (c) Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus UMT;
- (d) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT; dan
- (e) Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus UMT.

Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT

7. (1) Ahli Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah dilantik oleh Naib Canselor atas nama yang dicadangkan oleh KORUM yang semasa.
- (2) Pengerusi Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah dilantik dalam kalangan ahli Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (3) Pengerusi Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah melantik seorang Setiausaha dalam kalangan ahli Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (4) Korum mesyuarat Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT ialah satu pertiga keahliannya termasuk Pengerusi.
- (5) Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya satu kali sebelum Pilihan Raya Kampus dan boleh pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh Pengerusi Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (6) Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut—
- (a) Menentukan tarikh Pilihan Raya Kampus;
 - (b) Menetapkan apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar bagi tujuan Pilihan Raya Kampus;
 - (c) Menentukan kaedah proses pembuangan undi sepertimana Peraturan 5(1);
 - (d) Menentukan Pusat Pengundian;
 - (e) Membentuk, menggubal dan merangka tatacara dan dasar

Pilihan Raya Kampus;

- (f) Mengambil apa-apa tindakan yang difikirkannya sesuai untuk memastikan pematuhan terhadap peruntukan-peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini dan semua dasar Pilihan Raya Kampus.
- (g) Menangguh atau membatalkan Pilihan Raya Kampus selepas mendapat kelulusan daripada Naib Canselor
- (h) Membatalkan mana-mana calon yang didapati melanggar mana-mana peruntukan Peraturan- Peraturan ini; dan
- (i) Menjalankan apa-apa fungsi dan kuasa lain yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT

- 8. (1) Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT dalam kalangan Pelajar Berdaftar.
- (2) Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah melantik seorang Setiausaha dalam kalangan ahli Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT.
- (3) Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT boleh mencadangkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT untuk membentuk apa-apa jawatankuasa kecil lain bagi memastikan kelancaran perjalanan Pilihan Raya Kampus.
- (4) Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut –
 - (a) Merancang, mentadbir, menyelaraskan dan mengawal selia proses perjalanan Pilihan Raya Kampus UMT dan semua perkara yang berkaitan dengannya;
 - (b) Mengeluarkan apa-apa arahan mengenai perjalanan Pilihan Raya Kampus UMT dan mengambil apa-apa langkah yang difikirkannya patut bagi memastikan sesuatu pemilihan

- berjalan dengan lancar dan teratur;
- (c) Mendapatkan bantuan dan nasihat daripada pegawai Universiti berhubung dengan dokumentasi, peralatan atau apa jua perkara yang berkaitan dengan Pilihan Raya Kampus.
 - (d) Mengambil tindakan yang difikir wajar terhadap mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang melanggar Peraturan-Peraturan ini, setelah memberi peluang untuk membuat penjelasan lisan; dan
 - (e) Menjadi tempat rujukan berhubung apa-apa kekeliruan dalam perjalanan Pilihan Raya Kampus.

Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus UMT

- 9. (1) Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT dalam kalangan Pegawai, Pensyarah Universiti atau Pelajar Berdaftar selain daripada ahli jawatankuasa di bawah Peraturan 6(a), 6(b), 6(d) dan 6(e).
- (2) Pengerusi Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah melantik seorang Setiausaha dalam kalangan ahli Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT.
- (3) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut—
 - (a) Mendengar dan membuat keputusan berhubung bantahan daripada mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon atau pengundi mengikut mana-mana yang berkenaan;
 - (b) Memanggil mana-mana orang atau pelajar untuk mendapatkan maklumat dan fakta berkaitan dengan bantahan berhubung perjalanan Pilihan Raya Kampus itu; dan

- (c) Mengarahkan mana-mana Ketua Pusat Mengundi menyerahkan apa-apa dokumen berkaitan Pilihan Raya Kampus kepada Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus UMT.

Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT

- 10. (1) Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT dalam kalangan Pegawai, Pensyarah Universiti atau Pelajar Berdaftar selain daripada ahli jawatankuasa di bawah Peraturan 6(a), 6(b), 6(c), 6(e).
- (2) Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah melantik seorang Setiausaha dalam kalangan ahli Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT.
- (3) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut—
 - (a) Mendengar dan membuat keputusan berhubung rayuan daripada mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon atau pengundi mengikut mana-mana yang berkenaan;
 - (b) Memanggil mana-mana orang atau pelajar untuk mendapatkan maklumat dan fakta berkaitan dengan bantahan berhubung perjalanan Pilihan Raya Kampus itu; dan
 - (c) Mengarahkan mana-mana Ketua Pusat Mengundi menyerahkan apa-apa dokumen berkaitan Pilihan Raya Kampus kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT.
- (4) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT adalah muktamad.

Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus UMT

- 11. (1) Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus

UMT hendaklah dilantik oleh Naib Canselor atas nama-nama yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT dalam kalangan Pegawai, Pensyarah Universiti atau Pelajar Berdaftar selain daripada ahli jawatankuasa di bawah Peraturan 6(a), 6(b) dan 6(c).

- (2) Pengerusi Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah melantik seorang Setiausaha dalam kalangan ahli Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus UMT.
- (3) Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut –
 - (a) Mengesahkan data pengundi;
 - (b) Mengesahkan data penjumlahan undi;
 - (c) Menghendaki mana-mana orang (jika perlu), untuk mengesah dan memperakukan sistem pengundian;
 - (d) Membuat pemeriksaan sistem pengundian di Pusat Pengundian sekurang-kurangnya sekali sebelum pengundian bermula;
 - (e) Menentukan prosedur pengauditan;
 - (f) Menjalankan pemantauan ke atas keseluruhan perjalanan proses Pilihan Raya Kampus; dan
 - (g) Mengenal pasti apa-apa kelemahan dalam perjalanan Pilihan Raya Kampus dan mencadangkan langkah penambahbaikan kepada Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (4) Pengesahan yang dibuat oleh Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus UMT mengenai data pengundi dan data penjumlahan undi adalah muktamad.

BAHAGIAN IV

PEMEBERITAHUAN PILIHAN RAYA KAMPUS

Pengumuman Tarikh Pilihan Raya Kampus

12. Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah mengisytiharkan tarikh berkenaan Pilihan Raya Kampus.

Penyiaran Notis Pilihan Raya Kampus

13. (1) Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah menetapkan tarikh bagi menyiarkan suatu notis Pilihan Raya Kampus yang mengandungi butiran berikut—
- (a) Tarikh dan masa penamaan calon;
 - (b) Tarikh dan masa mengundi;
 - (c) Tempoh bantahan dan rayuan; dan
 - (d) Apa-apa perkara lain yang berkaitan Pilihan Raya Kampus.
- (2) Setiap notis Pilihan Raya Kampus hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT dan hendaklah dipamerkan di papan notis rasmi Universiti, di laman sesawang yang ditentukan atau di tempat lain di Universiti yang mudah dilihat sebagaimana ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.

BAHAGIAN V

PENAMAAN CALON

Jumlah Ahli MPP UMT

14. Bagi maksud Pilihan Raya Kampus, Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah menentukan jumlah ahli MPP UMT mengikut cara yang berikut—
- (a) Bagi kerusi Fakulti, bilangan ahli MPP UMT hendaklah sama daripada setiap Fakulti; dan
 - (b) Bagi kerusi Umum, bilangan ahli MPP UMT hendaklah tidak lebih daripada setengah daripada jumlah bilangan ahli MPP UMT di

bawah Peraturan 13(a).

Kelayakan Calon

15. (1) Bagi maksud Pilihan Raya Kampus, Pelajar Berdaftar yang memenuhi kriteria berikut layak untuk menjadi calon—
- (a) Pelajar Berdaftar yang telah menduduki peperiksaan pertamanya di Universiti;
 - (b) Pelajar Berdaftar yang tidak pernah didapati bersalah atas suatu kesalahan tata tertib Universiti;
 - (c) Pelajar Berdaftar yang mempunyai baki tempoh pengajian di dalam kuliah tidak termasuk kepada Latihan industri sekurang-kurangnya setahun atau dua semester berdasarkan tempoh pengajian minimum bagi program pengajian tersebut; dan
 - (d) Apa-apa kelayakan lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (2) Mana-mana Pelajar Berdaftar yang prosiding tata tertib terhadapnya dan mempunyai hutang kewangan tertunggak dalam akaun pelajar yang masih belum selesai tidak layak menjadi calon, melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.
- (3) Apa-apa kekeliruan berkenaan senarai Pelajar Berdaftar boleh dirujuk kepada bahagian yang bertanggungjawab dalam hal ehwal akademik Universiti untuk pengesahan status pelajar.
- (4) Pelajar Berdaftar yang dilantik sebagai ahli mana-mana jawatankuasa di bawah peraturan ini tidak layak menjadi calon Pilihan Raya Kampus sesi tersebut.

Status Pencalonan

16. (1) Calon yang bertanding di dalam Pilihan Raya Kampus dibenarkan bertanding atas kapasiti individu atau mewakili mana-mana Parti Mahasiswa di dalam kampus yang didaftarkan dengan Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (2) Seseorang calon hanya layak bertanding bagi satu kawasan Pilihan Raya Kampus sahaja.
- (3) Bagi kawasan Fakulti, calon hendaklah seorang Pelajar Berdaftar Fakulti berkenaan.
- (4) Bagi kawasan Umum, calon hendaklah mematuhi Peraturan 5(2).
- (5) Seseorang calon tidak boleh menjadi pencadang calon atau penyokong pencadangan calon kepada mana-mana calon yang lain.

Pendaftaran Gerakan Mahasiswa

17. (1) Mana-mana Gerakan Mahasiswa yang mencalonkan wakil bagi Gerakan Mahasiswa itu bertanding dalam Pilihan Raya Kampus hendaklah mendaftarkan Gerakan Mahasiswa itu dengan Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (2) Gerakan Mahasiswa yang tidak berdaftar dengan Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT seperti yang ditetapkan dalam subperaturan (1), adalah tidak layak untuk bertanding dalam Pilihan Raya Kampus secara berkumpulan dan sekiranya mana-mana daripada calon Gerakan Mahasiswa yang tidak berdaftar itu telah diterima pencalonannya dalam Pilihan Raya Kampus, pencalonan pelajar itu boleh dibatalkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.

Penamaan Calon

18. (1) Mana-mana Pelajar Berdaftar yang hendak bertanding untuk Pilihan Raya Kampus hendaklah membuat penamaan calon secara

manual atau dalam talian berdasarkan proses dan tatacara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.

- (2) Mana-mana Pelajar Berdaftar yang berhasrat untuk bertanding dalam Pilihan Raya Kampus hendaklah membuat bayaran cagaran dan apa-apa bayaran proses mengikut kadar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.

Pencadang Dan Penyokong Pencadangan Calon

19. (1) Mana-mana Pelajar Berdaftar boleh menjadi pencadang dan penyokong pencadangan calon.
- (2) Pencadang dan penyokong pencadangan calon bagi Kawasan Fakulti hendaklah terdiri daripada Pelajar Berdaftar Fakulti berkenaan.
- (3) Pencadang dan penyokong pencadangan calon bagi kawasan Umum adalah terbuka kepada semua Pelajar Berdaftar.
- (4) Pencadang atau penyokong pencadangan calon bagi mana-mana calon tidak boleh menjadi pencadang atau penyokong pencadangan calon lain.
- (5) Pencadang dan penyokong pencadangan calon hendaklah mengesahkan status mereka sebagai pencadang dan penyokong pencadangan calon berdasarkan proses dan tatacara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.

Pengesahan Penamaan Calon

20. (1) Bagi calon kawasan Umum dan kawasan Fakulti, penamaan calon yang berkenaan hendaklah disahkan oleh Pegawai Pengurus yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (2) Bagi maksud pengesahan penamaan calon, calon hendaklah mendapatkan pengesahan Pegawai Pengurus yang dinyatakan di subperaturan 20(1). Pegawai Pengurus yang diberi kuasa hendaklah menyemak dan mengesahkan butiran-butiran calon berdasarkan

kelayakan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.

- (3) Proses pengesahan penamaan calon sepertimana dinyatakan di subperaturan (1) dan (2) di atas hendaklah dilaksanakan di dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (4) Apa-apa pindaan ke atas maklumat penamaan calon hendaklah dilakukan sebelum penamaan calon disahkan oleh Pegawai Pengurus yang diberi kuasa. Tiada apa-apa pindaan boleh dibuat selepas pengesahan penamaan calon telah dilakukan menurut subperaturan (3) di atas.

Pengumuman Calon Yang Layak Bertanding

21. (1) Selepas tamat tempoh penamaan calon, senarai nama calon mengikut kawasan Pilihan Raya Kampus yang dipertandingkan akan diumumkan oleh Pengerusi atau mana-mana Ahli Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (2) Senarai nama calon mengikut kawasan Pilihan Raya Kampus yang dipertandingkan akan dipaparkan di laman sesawang yang ditentukan atau di papan notis rasmi Universiti atau di tempat lain di Universiti yang mudah dilihat sebagaimana ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT.

Bantahan Terhadap Pencalonan

22. (1) Mana-mana Pelajar Berdaftar boleh mengemukakan bantahan terhadap pencalonan seseorang calon berdasarkan kaedah yang ditetapkan oleh pihak Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (2) Bantahan terhadap sesuatu pencalonan boleh dibuat berdasarkan

alasan yang berikut—

- (a) Seseorang calon itu tidak layak atau telah hilang kelayakan untuk dipilih menjadi calon;
 - (b) Seseorang calon mengemukakan maklumat palsu dalam dokumen penamaan calon;
 - (c) Dokumen penamaan calon tidak mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini; atau
 - (d) Seseorang calon itu tidak mematuhi mana-mana Peraturan, tatacara dan Undang-Undang Bertulis Universiti yang sedang berkuat kuasa.
- (3) Setiap bantahan boleh dikenakan bayaran mengikut kadar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT dan hendaklah dibayar kepada Bendahari UMT dengan kaedah yang akan ditetapkan oleh pihak Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (4) Keputusan setiap bantahan yang dibuat menurut peraturan ini hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Bantahan yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (5) Jawatankuasa Bantahan yang dilantik di bawah subperaturan (4) hendaklah membuat pemakluman mengenai keputusan bantahan kepada pembantah.
- (6) Jika sesuatu bantahan diputuskan sah, pencalonan calon yang berkenaan hendaklah ditolak.
- (7) Pembayaran yang dibuat menurut subperaturan (3) di atas akan dikembalikan jika bantahan diterima dan tidak akan dipulangkan jika bantahan ditolak.

Rayuan Terhadap Keputusan Bantahan Pencalonan

23. (1) Mana-mana Pelajar Berdaftar yang telah membuat bantahan dan tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut kepada

Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT.

- (2) Mana-mana calon yang pencalonannya ditolak boleh mengemukakan rayuan terhadap penolakan pencalonannya kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT.
- (3) Setiap rayuan boleh dikenakan bayaran mengikut kadar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT dan hendaklah dibayar kepada Bendahari UMT.
- (4) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah, membuat keputusan mengenai setiap rayuan dan memaklumkan kepada perayu dan calon yang berkenaan mengenai keputusan rayuan tersebut selepas tamat tempoh rayuan yang dibuat menurut peraturan ini.
- (5) Jika sesuatu rayuan yang dibuat tidak diterima, pencalonan calon akan ditolak. Jika sesuatu rayuan yang dibuat diterima, pencalonan calon akan dikekalkan.
- (6) Pembayaran yang dibuat akan dikembalikan jika rayuan diterima dan tidak akan dikembalikan jika rayuan ditolak.

Penarikan Diri Calon

24. (1) Seseorang calon boleh menarik diri daripada Pilihan Raya Kampus pada bila-bila masa sebelum pengumuman akhir calon layak bertanding diumumkan. Wang cagaran yang dibayar menurut subperaturan 15(2) akan dikembalikan manakala wang proses tidak akan dikembalikan.
- (2) Penarikan diri yang dibuat selepas pengumuman akhir calon layak bertanding tidak akan diterima.
- (3) Seseorang calon yang menarik diri selepas pengumuman akhir calon layak bertanding boleh dikenakan tindakan tatatertib serta wang cagaran dan wang proses yang dibayar menurut subperaturan 17(2) tidak akan dikembalikan.

Pengumuman Akhir Calon Yang Layak Bertanding

25. Selepas keputusan rayuan di bawah subperaturan 22(4) diumumkan, senarai muktamad calon yang layak bertanding akan dipaparkan di laman sesawang pelajar, papan notis rasmi Universiti atau di tempat lain di Universiti yang mudah dilihat sebagaimana ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.

Calon Menang Tanpa Bertanding

26.
 - (1) Sekiranya bilangan calon yang bertanding bagi kawasan Fakulti sama dengan atau kurang daripada jumlah wakil yang diperuntukkan bagi kawasan Fakulti itu, calon berkenaan akan diisytiharkan menang tanpa bertanding.
 - (2) Sekiranya bilangan calon yang bertanding bagi kawasan Umum sama dengan atau kurang daripada jumlah wakil yang diperuntukkan bagi kawasan Umum itu, calon berkenaan akan diisytiharkan menang tanpa bertanding.

BAHAGIAN VI

KEMPEN PILIHAN RAYA KAMPUS

Kempen

27.
 - (1) Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah bertanggungjawab bagi menyelia dan memantau kempen Pilihan Raya Kampus.
 - (2) Calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon dan mana-mana Pelajar Berdaftar boleh berkempen mengikut cara dan dalam tempoh yang ditetapkan, tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], Perlembagaan Universiti, Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 dan tatacara lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.

Poster, Kain Rentang, Dsb.

28. Tiada calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon boleh mencetak, mempamer atau mengedar apa-apa poster, kain rentang, atau menggunakan apa-apa bentuk sebaran elektronik atau sebaran lain bagi tujuan kempen tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT.

BAHAGIAN VII

PENGUNDIAN

Hari Pengundian

29. (1) Pengundian hendaklah dijalankan pada tarikh dan masa seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT dalam notis Pilihan Raya Kampus.
- (2) Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT bolehlah mempamerkan suatu notis yang mengandungi panduan mengundi di Kawasan Pusat Pengundian atau mana-mana tempat lain mengikut cara yang difikirkan patut dan sesuai sebelum pengundian dimulakan.
- (3) Setiap pengundi hendaklah mengemukakan kad pelajar atau apa-apa bukti lain yang mengesahkan status pengundi itu sebagai Pelajar Berdaftar semasa proses pendaftaran sebelum dibenarkan mengundi.
- (4) Jika berlaku apa-apa pertikaian semasa hari pengundian, Ketua Pusat Mengundi hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai pertikaian itu dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membolehkan Pilihan Raya Kampus dijalankan.

Ketua Pusat Mengundi dan Pegawai Pusat Mengundi

30. (1) Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah melantik

seorang Pelajar Berdaftar sebagai Ketua Pusat Mengundi dengan penyeliaan seorang Pegawai untuk mengawal selia proses pengundian di Universiti.

- (2) Ketua Pusat Mengundi tidak boleh menjadi ahli dalam mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Peraturan 4.
- (3) Tertakluk kepada keperluan, Ketua Pusat Mengundi atas budi bicaranya boleh melantik Pelajar Berdaftar sebagai Pegawai Pusat Mengundi untuk membantu dalam proses pengundian.

Kebenaran Masuk Ke Pusat Pengundian, Dsb.

31.
 - (1) Tiada sesiapa boleh berada di Pusat Pengundian melainkan dengan kebenaran Ketua Pusat Mengundi.
 - (2) Bilangan pengundi yang dibenarkan masuk ke Pusat Pengundian pada satu- satu masa akan ditentukan oleh Ketua Pusat Mengundi.
 - (3) Semua calon, pencadang calon dan penyokong pencadangan calon hendaklah mematuhi semua prosedur yang dibuat dan arahan yang diberikan oleh Ketua Pusat Mengundi dari semasa ke semasa.
 - (4) Ketua Pusat Mengundi hendaklah memastikan ketenteraman di Pusat Pengundian.
 - (5) Jika mana-mana orang menimbulkan kacau ganggu, kegusaran atau sebagainya yang pada pandangan Ketua Pusat Mengundi boleh mengganggu kelancaran proses pengundian, Ketua Pusat Mengundi atau mana-mana Pegawai Pusat Mengundi boleh mengarahkan orang itu meninggalkan Pusat Pengundian dengan serta-merta.
 - (6) Kuasa yang diberi di bawah subperaturan 31(5) tidak boleh dilaksanakan sehingga boleh menafikan hak seseorang Pelajar Berdaftar untuk mengundi.

Larangan Pada Hari Pengundian, Dsb.

32.
 - (1) Tiada calon, pencadang calon, penyokong pencadangan

calon atau pengundi boleh dibenarkan untuk—

- (a) Menjalankan sebarang bentuk kempen bercetak, lisan atau secara dalam talian pada hari pengundian di dalam atau di luar Kampus;
 - (b) Menunjukkan identiti yang melambangkan identiti sesebuah kumpulan;
 - (c) Berkelakuan tidak sopan di kawasan Pusat Pengundian;
 - (d) Mengganggu kelancaran proses pengundian dengan apa jua cara termasuklah—
 - (i) Berusaha meraih atau merayu undi;
 - (ii) Mengedar senarai nama calon kepada pengundi;
 - (iii) Membuat bising atau sebarang gangguan di sekitar Pusat Pengundian; atau
 - (iv) Mengganggu atau menghalang Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT atau Pegawai Pusat Mengundi daripada menjalankan tugas.
 - (e) Mengundi lebih daripada sekali; atau
 - (f) Membawa apa-apa dokumen atau barang terlarang seperti yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT ke dalam Pusat Pengundian kecuali dokumen atau barang yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus.
- (2) Calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau mana-mana pengundi bolehlah membuat aduan mengenai perkara di bawah peraturan ini kepada Ketua Pusat Mengundi.
- (3) Ketua Pusat Mengundi hendaklah memutuskan perkara-perkara berhubung dengan aduan yang diterima di bawah subperaturan 32(2).
- (4) Mana-mana calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau pengundi yang tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua

Pusat Mengundi di bawah subperaturan 32(3) boleh mengemukakan rayuan terhadap aduannya kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT.

- (5) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT adalah muktamad.

Pengundian Dan Penjumlahan Undi Melalui Kertas Undi

33. (1) Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah menyediakan peti undi dan kertas undi yang mencukupi bagi setiap Pusat Pengundian.
- (2) Sebelum pengundian dimulakan, Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah mengesahkan di dalam kehadiran calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon bahawa setiap peti undi yang akan digunakan semasa pengundian adalah kosong.
- (3) Sekiranya tiada calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon hadir semasa pengesahan di bawah subperaturan 33(2), Ketua Pusat Pengundian boleh meneruskan proses pengundian tersebut sehingga tamat.
- (4) Seseorang pengundi akan diberikan kertas undi calon kawasan Fakulti dan Umum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT di mana pengundi dikehendaki mengundi mengikut cara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (5) Kertas undi adalah sulit dan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan dikeluarkan pada hari pengundian sahaja.
- (6) Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah menentukan tempat dan proses penjumlahan undi.
- (7) Mana-mana calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau pengundi boleh mengemukakan bantahan secara bertulis terhadap keputusan penjumlahan undi kepada Ketua Pusat

- Mengundi atau mana-mana Pegawai Pusat Mengundi.
- (8) Bantahan di bawah subperaturan 33(7) boleh dibuat–
 - (a) Selepas pengumuman keputusan penjumlahan undi; atau
 - (b) Selepas keputusan penjumlahan undi dipamerkan, tertakluk kepada apa-apa bayaran yang ditentukan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
 - (9) Mana-mana calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau pengundi yang tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pusat Mengundi di bawah subperaturan 33(8) boleh mengemukakan rayuan terhadap aduannya kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT.
 - (10) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT adalah muktamad.

Pengundian Dan Penjumlahan Undi Melalui E-undi

- 34. (1) Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT boleh menentukan pengundian dan penjumlahan undi dilaksanakan secara E-undi.
- (2) Pengundian E-undi hendaklah dibuat dengan menggunakan komputer undi.
- (3) Seseorang pengundi hendaklah mengundi mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (4) Perisian sistem E-undi adalah sulit dan hendaklah dikendalikan oleh Ketua Pusat Mengundi secara terkawal dan digunakan pada hari pengundian.
- (5) Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah menentukan tempat dan proses penjumlahan undi.
- (6) Mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon boleh mengemukakan bantahan secara bertulis terhadap penjumlahan undi kepada Ketua Pusat Mengundi atau wakilnya.
- (7) Bantahan di bawah subperaturan 34(6) boleh dibuat–

- (a) Selepas pengumuman keputusan penjumlahan undi; atau
- (b) Selepas keputusan penjumlahan undi dipamerkan,

tertakluk kepada apa-apa bayaran yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya UMT

- (8) Mana-mana calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau pengundi yang tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pusat Mengundi di bawah subperaturan 33(8) boleh mengemukakan rayuan terhadap aduannya kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT.
- (9) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT adalah muktamad.
- (10) Selepas tamat tempoh pengundian, Ketua Pusat Mengundi hendaklah memastikan segala peralatan, perkakasan, perisian atau dokumen berkaitan pengundian disimpan di tempat yang selamat.

Komputer Pelayan Dan Komputer Undi

- 35. (1) Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah menyediakan komputer pelayan dan komputer undi yang mencukupi bagi setiap Pusat Pengundian.
- (2) Sebelum pengundian dimulakan, Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus

UMT hendaklah mengesahkan di dalam kehadiran calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon bahawa-

- (a) Setiap komputer pelayan yang akan digunakan semasa pengundian hendaklah mempunyai data berkenaan pengundian sahaja; dan
- (b) Setiap komputer undi yang disediakan tidak mengandungi apa-apa aplikasi lain kecuali sistem E-undi dan sistem itu belum digunakan untuk tujuan pengundian.
- (3) Sekiranya tiada calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon hadir semasa pengesahan di bawah

subperaturan 36(2), Ketua Pusat Mengundi boleh meneruskan proses pengundian tersebut sehingga tamat.

- (4) Ketua Pusat Mengundi hendaklah mematikan komputer pelayan dan komputer undi selepas tamat tempoh pengundian, sama ada calon, penyokong calon atau penyokong pencadangan calon hadir atau tidak hadir.

Pengundian Dan Penjumlahan Undi Secara MyUndi

36. (1) Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT boleh menentukan pengundian dan penjumlahan undi dilaksanakan secara MyUndi.

(2) Pengundian secara MyUndi hendaklah dibuat dengan menggunakan apa-apa peranti oleh pengundi.

(3) Seseorang pengundi hendaklah mengundi mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.

(4) Segala maklumat dalam sistem MyUndi adalah sulit dan dikendalikan oleh Ketua Pusat Mengundi untuk digunakan pada hari pengundian.

(5) Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah menentukan tarikh, masa, sistem dan proses penjumlahan undi.

(6) Mana-mana Pelajar Berdaftar yang mengundi boleh mengemukakan bantahan secara bertulis terhadap pengiraan undi kepada Ketua Pusat Mengundi atau wakilnya.

(7) Bantahan di bawah subperaturan (6) boleh dibuat–

(a) Selepas pengumuman keputusan pengiraan undi; atau

(b) Selepas keputusan pengiraan undi dipamerkan,

tertakluk kepada apa-apa bayaran yang ditentukan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.

(8) Mana-mana calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau pengundi yang tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pusat Mengundi di bawah subperaturan 35(7) boleh mengemukakan rayuan terhadap aduannya kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan

Raya Kampus UMT.

- (9) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT adalah muktamad.

BAHAGIAN VIII

PENJUMLAHAN UNDI

Pusat Penjumlahan Undi

37. (1) Penjumlahan undi hendaklah dijalankan di tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (2) Tiada mana-mana orang dibenarkan berada di Pusat Penjumlahan Undi kecuali setelah mendapat kebenaran Ketua Pusat Penjumlahan Undi.
- (3) Walau apa pun subperaturan 37(2), orang yang berikut adalah dibenarkan berada di dalam Pusat Penjumlahan Undi—
- (a) Ketua Pusat Penjumlahan Undi;
 - (b) Semua ahli Jawatankuasa yang dilantik di bawah peraturan 4;
 - (c) Pelajar Berdaftar yang dilantik oleh Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus; dan
 - (d) Calon, pencadang calon dan penyokong pencadangan calon.

Ketua Pusat Penjumlahan Undi

38. (1) Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah melantik seorang Pelajar Berdaftar sebagai Ketua Pusat Penjumlahan Undi.
- (2) Ketua Pusat Penjumlahan Undi tidak boleh menjadi ahli dalam mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Peraturan 4.
- (3) Tertakluk kepada keperluan, Ketua Pusat Penjumlahan Undi atas budi bicaranya boleh melantik Pelajar Berdaftar sebagai Pegawai Pusat Penjumlahan Undi untuk membantu dalam proses

penjumlahan undi.

- (4) Ketua Pusat Penjumlahan Undi hendaklah—
- (a) Menjumlahkan keseluruhan undi daripada semua Pusat Pengundian;
 - (b) Menyediakan kemudahan yang perlu untuk membolehkan penjumlahan undi berjalan dengan lancar; dan
 - (c) Melaporkan data penjumlahan undi kepada Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus UMT bagi tujuan pengesahan.

Pengumuman Keputusan Penjumlahan Undi

39. (1) Apabila penjumlahan undi telah selesai, Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, mengumumkan keputusan penjumlahan undi.
- (2) Sekiranya bilangan undi di antara calon bagi sesuatu kawasan Pilihan Raya Kampus adalah sama banyak, Ketua Pusat Penjumlahan Undi hendaklah membuat penjumlahan undi semula.
- (3) Sekiranya keputusan penjumlahan undi semula di bawah subperaturan (2) adalah sama banyak, penambahan satu undi hendaklah dibuat mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT dan cara itu hendaklah dilakukan di hadapan calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon.
- (4) Setelah selesai proses di subperaturan 39(3), Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah dengan seberapa segera yang boleh, mengumumkan keputusan penjumlahan undi bagi kawasan Pilihan Raya Kampus tersebut.

Bantahan Dan Rayuan Keputusan Pilihan Raya Kampus

40. (1) Mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon atau pengundi yang tidak berpuas hati dengan

keputusan penjumlahan undi calon di bawah peraturan 37 boleh membuat bantahan dengan kaedah yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT dengan menyatakan alasannya kepada Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus UMT.

- (2) Setiap bantahan hendaklah dikenakan bayaran pada kadar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT dan hendaklah dibayar kepada Bendahari UMT. Resit bagi pembayaran yang dibuat di bawah subperaturan ini hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan bantahan yang dibuat di bawah subperaturan 40(1).
- (3) Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah, dalam tempoh dua puluh empat jam (24) selepas tamat masa bantahan, membuat keputusan mengenai bantahan itu dan hendaklah memaklumkan kepada pembantah dan orang yang dibantah, mengenai keputusan dan alasan keputusannya.
- (4) Jika sesuatu bantahan diterima oleh Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus UMT, kemenangan seseorang calon yang dibantah hendaklah disifatkan sebagai telah terbatal dan calon yang mendapat undi kedua yang tertinggi hendaklah diumumkan sebagai calon yang berjaya.
- (5) Pembayaran yang dibuat menurut subperaturan 40(2) akan dikembalikan jika bantahan diterima dan tidak dikembalikan jika bantahan ditolak.
- (6) Mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon atau pengundi yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus UMT yang dibuat di bawah subperaturan 40(3) boleh membuat rayuan terhadap keputusan itu kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT.
- (7) Setiap rayuan dikenakan bayaran mengikut jumlah sebagaimana ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT dan

hendaklah dibayar kepada Bendahari UMT.

- (8) Rayuan yang dibuat di bawah subperaturan 40(7) hendaklah dikemukakan dengan kaedah yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus bersama resit bayaran dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT.
- (9) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah, dalam tempoh dua puluh empat jam (24) selepas tamat masa rayuan, membuat keputusan mengenai rayuan itu dan hendaklah memaklumkan kepada perayu mengenai keputusan dan alasan keputusannya.
- (10) Pembayaran yang dibuat menurut subperaturan 40(7) akan dikembalikan jika rayuan diterima dan tidak dikembalikan jika rayuan ditolak.
- (11) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT adalah muktamad.

BAHAGIAN VII

PENGIYSTIHARAN AHLI MPP UMT DAN PEMILIHAN PEMEGANG JAWATAN

Pengisytiharan

41.
 - (1) Pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah mengisytiharkan calon yang berjaya di dalam Pilihan Raya Kampus.
 - (2) Pengisytiharan di bawah subperaturan 41(1) hendaklah dibuat secara bertulis dan dipamerkan di laman sesawang atau di papan notis yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT dengan seberapa segera.

Pemegang Jawatan MPP UMT

42.
 - (1) Calon yang berjaya di dalam Pilihan Raya Kampus adalah membentuk MPP UMT dan hendaklah memilih sesama mereka—

- (a) Seorang Yang Dipertua;
 - (b) Seorang Naib Yang Dipertua;
 - (c) Seorang Setiausaha;
 - (d) Seorang Bendahari; dan
 - (e) Pemegang bagi jawatan lain yang dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.
- (2) Ahli MPP UMT yang dipilih hendaklah memegang jawatanselama satu (1) tahun Kalendar Akademik.
- (3) Naib Canselor atas faktor kepentingan dan kebajikan pelajar Universiti mempunyai kuasa budi bicara untuk melantik mana-mana pelajar menjadi MPP UMT bagi mengisi kekosongan kerusi Kawasan Fakulti atau Umum yang tidak dipertandingkan atas sebab ketiadaan calon atau apa-apa sebab yang lain dengan apa-apa cara atau penilaian yang difikirkan patut dan sesuai.
- (4) Bagi pelanjutan tempoh MPP UMT dan pelantikan MPP Interim —
- (a) Naib Canselor boleh menggunakan kuasa budi bicaranya untuk melanjutkan tempoh pelantikan MPP UMT sedia ada untuk menjalankan tugas sementara sebagai MPP Interim sehingga MPP UMT baru dilantik.
 - (b) Naib Canselor boleh mengikut budi bicaranya melantik mana-mana Pelajar Berdaftar untuk menjalankan tugas sementara sebagai MPP Interim sehingga MPP UMT baru dilantik.

BAHAGIAN VII

AM

Keabsahan Perbuatan Di Atas Ketidakhadiran Calon, Dsb.

43. Tiada sesuatu perbuatan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa

perbuatan atau keputusan itu telah dilakukan atau dibuat semasa ketidakhadiran calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon jika perbuatan atau keputusan itu telah dilakukan atau dibuat dengan suci hati.

Pindaan Atau Pembatalan Peraturan

44. (1) Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT boleh mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Universiti untuk meminda atau membatalkan mana-mana peruntukan Peraturan ini.
- (2) Sekiranya berlaku sebarang situasi yang tidak dinyatakan dalam Peraturan ini, Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah merujuk kepada Naib Canselor.

Pengawasan Keselamatan

45. Pemantauan dan pengawasan keselamatan perjalanan keseluruhan Pilihan Raya Kampus hendaklah menjadi tanggungjawab pegawai yang dipertanggungjawabkan mengenai hal ehwal keselamatan Universiti.

Tindakan Tatatertib

46. Mana-mana pelajar yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009.

Pengundian Pelajar Kelainan Upaya

47. Bagi pelajar kelainan upaya, Ketua Pusat Mengundi atau Pegawai Pusat Mengundi akan membantu pelajar berkenaan untuk membuang undi di pusat pengundian yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya

Kampus UMT.

Etika Pakaian Sepanjang Pilihan Raya Kampus

48. Semua warga UMT hendaklah mematuhi kod etika pakaian Universiti Malaysia Terengganu sepanjang Pilihan Raya Kampus.

Kesalahan Mengembangkan Perasaan Jahat Atau Pemusuhan

49. Mana-mana Pelajar Berdaftar yang semasa sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, melakukan apa-apa perbuatan atau membuat apa-apa pernyataan dengan tujuan atau dengan kecenderungan untuk mengembangkan perasaan jahat, tidak puas hati atau permusuhan antara orang yang terdiri daripada kaum yang sama atau kaum yang berlainan atau daripada golongan yang sama atau golongan yang berlainan pelajar universiti untuk mendorong mana-mana pengundi supaya mengundi atau tidak mengundi dalam sesuatu pilihan raya, adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN VII

KEADAAN LUAR JANGKA

Force Majeure

50. (1) Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT boleh untuk menangguhkan atau membatalkan Pilihan Raya Kampus atau mengadakan Pilihan Raya Kampus semula selepas mendapat kelulusan daripada Naib Canselor sekiranya berlaku kejadian *Force Majeure*.
- (2) *Force Majeure* bermaksud–
 - (a) Peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), pertempuran, penaklukan atau tindakan oleh musuh-musuh asing;

- (b) Pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan penganas;
- (c) Bencana alam termasuk, tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir dan kebakaran bawah tanah yang spontan, tsunami, atau apa-apa bencana alam;
- (d) Letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;
- (e) Wabak penyakit berjangkit yang membawa maut;
- (f) Darurat, rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam; atau
- (g) Sebab-sebab atau bahaya yang lain yang di luar kawalan mana-mana pihak.